



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date | 13/1/2011 |

Biar rakyat nilai 'Pelan 100 Hari' pembangkang - Najib

PUTRAJAYA 12 Jan. - Datuk Seri Najib Tun Razak menyerahkan kepada budi bicara rakyat untuk menilai secara bijaksana 'Pelan 100 hari' pakatan pembangkang yang dikecam oleh kerajaan sebagai amat populis dan tidak berpaksi di bumi nyata.

Sambil menjelaskan beliau bukan tidak mahu menyahut cabaran Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya

berdebat dengan Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu tetapi yang paling utama di sini ialah penilaian oleh rakyat terhadap kerajaan dan pembangkang.

"Bukan saya menolak, (tetapi) yang penting sekali adalah rakyat yang boleh menilai antara dua (pelan), kita akan buat pembentangan kita, manakala dia (Anwar) buat pembentangan dia.

"Kita boleh buat macam-macam penilaian atas perancangan, biar rakyat menentukan.

"Kalau nak debat, kita mesti ada sesuatu hasil daripada debat itu, (namun) saya tak nampak ada hasil sebab yang penting adalah penilaian daripada rakyat," kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas meraikan skuad bola sepak negara yang

menjuarai Piala AFF Suzuki 2010 pada satu majlis ramah mesra di Seri Perdana di sini hari ini.

Portal berita propembangkang semalam menyiarkan kenyataan Anwar yang mencabar Perdana Menteri supaya berdebat untuk menentukan siapa yang mempunyai dasar ekonomi lebih baik untuk negara.

Isnin lalu, Najib berkata, terdapat keanehan apabila pembangkang

menabur pelbagai janji yang populis menerusi 'Pelan 100 hari' mereka tanpa membentangkan sumber kewangannya untuk melaksanakan pembangunan rakyat.

Antara yang dijanjikan pembangkang dalam pelan tersebut ialah mahu menghapuskan kutipan tol di semua lebuh raya di negara ini sekiranya memenangi Pilihan Raya Umum ke-13 nanti.